

MAJLIS FATWA PUTUSKAN VAPE HARAM

Sama minum racun, rokok

» *Ketetapan dibuat selepas teliti maklumat, kesan terhadap kesihatan*

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Sepang

Muzakarah Khas Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam memutuskan rokok elektronik atau vape adalah haram.

Pengerusinya, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin, berkata ketetapan itu dibuat selepas mendengar penjelasan pakar dari pelbagai pihak, termasuk Kementerian Kesihatan serta meneliti maklumat dan bukti perubatan dari dalam dan luar negara mengenai kesan penggunaannya terhadap kesihatan.

Beliau berkata, keputusan dibuat selepas ahli muzakarah meneliti hasil kajian yang dibentangkan pada muzakarah itu dan sebelum ini, termasuk dari sudut syariah, perubatan dan saintifik, serta unsur pembaziran dan budaya tidak sihat akibat penggunaan alat itu.

“Dari sudut syariah, ia memudaratkan kesihatan manusia. Umat Islam dilarang mengambil bahan yang memudaratkan secara jelas atau tidak, secara segera atau secara perlahan-lahan yang boleh membawa kematian, kerosa-



BH
22/12/2015
m/s 3

Abdul Shukor ketika sidang media selepas Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam di KLIA, malam tadi.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

kan anggota, penyakit bahaya atau sebarang kemudaratan pada akal.

Selain itu, vape juga diharamkan berdasarkan Qaedah Saad Al-Zaraia iaitu menutup keburukan yang lebih besar dan lebih bahaya yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

Sehubungan itu, beliau berkata, umat Islam adalah dilarang menghisap vape atau menyediakan perkhidmatan menghisap vape atau apa-apa kegiatan berkaitan dengannya serta menjauhkannya.

Dikategori perkara jijik

“Vape juga memudaratkan kesihatan, membazir dan sia-siakan masa dan harta serta dikategorikan sebagai satu perkara jijik seperti memudaratkan dan bau busuk,” katanya pada sidang media di

sini, malam tadi.

Beliau juga mahu semua negeri mengikuti keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dan menghargai usaha dilakukan beberapa negeri yang sudah bertindak awal memfatwakan haram dan melarang penjualannya.

Isu penjualan dan penggunaan vape menjadi bualan hangat sejak beberapa bulan lalu dengan beberapa pihak mempertahankan tindakan menjualnya dengan mendakwa produk itu kononnya lebih selamat berbanding rokok.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan yang menyatakan ia tidak selamat sejak awal lagi, bercadang menggubal undang-undang baharu bagi mengawal penggunaan rokok elektronik selepas Kabinet bersetuju untuk tidak mengahamkan penggunaannya.

Dua negeri keluar fatwa

Setakat ini, dua negeri, Kedah dan Pulau Pinang sudah mengeluarkan fatwa pengharaman vape iaitu pada November dan awal bulan ini.

Ini kemudian diikuti langkah diputuskan kerajaan Johor yang mengharamkan terus sebarang kegiatan penjualan vape secara rasmi mulai 1 Januari 2016.

Keputusan ini juga selari dengan ketetapan dibuat jawatankuasa itu sebelum ini terhadap rokok, yang diputuskan haram pada 23 Mac 1995 serta shisha pada 17 Julai 2013.

Setakat ini juga, penggunaan vape diharamkan di Singapura, Brunei, Hong Kong, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, Britain, Argentina, Brazil, Kemboja, Mexico, Panama, Qatar dan Turki.